

PENGENALAN ILMU TAJWID

OLEH: DR. AZIZUL BIN HASSAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَسَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾ [آل عمران].

🌟 Mukadimah:

Allah SWT telah menurunkan satu kitab agung bernama al-Quran. Ia merupakan mukjizat istimewa yang dianugerahi Allah SWT kepada Baginda SAW. Padanya segala pemutus bagi setiap perkara, kecil atau besar, masa dahulu mahupun masa sekarang. Ia sangat relevan dan menepati keperluan manusia sejagat di seluruh pelusuk dunia. Maka, tidak hairanlah jika kitab al-Quran dinobatkan sebagai kitab unggul yang paling banyak dibaca dan dikaji kandungannya. Malahan lagi, ia bukanlah kitab eksklusif yang hanya boleh dibaca dan dikaji oleh umat Islam akan tetapi ia turut terbuka kepada semua umat manusia dengan kepercayaan yang berbeza.

Dengan begitu saratnya isi kandungan al-Quran, Allah SWT tetap menitikberatkan aspek-aspek lain yang menghiasi al-Quran. Inilah bukti betapa al-Quran satu kalam agung-Nya tanpa boleh dinafikan walaupun sedikit. Sememangnya tujuan utama al-Quran adalah petunjuk manusia ke

arah jalan yang lurus dan benar. Maka, sudah tentu untuk mencapainya manusia perlu memahami, mentadabbur seterusnya mengamalkan ajarannya.

Mutakhir ini, masyarakat awam mula didendangkan dengan pandangan-pandangan halus yang cuba menafikan kepentingan dan kewajipan membaca al-Quran dengan tepat sebagaimana ia diturunkan kepada Baginda SAW. Bagi mereka, pembacaan al-Quran hanya sekadar tepat bacaan dari sudut baris dan hurufnya serta kurang mengambil berat terhadap hukum bacaan yang lain. Ia sudah tentu satu pandangan yang digemari ramai lantaran tiada keperluan untuk menghabiskan masa mempelajari bacaan al-Quran secara lebih teliti. Tambahan lagi, yang agak menyedihkan, pandangan ini lahir daripada golongan agamawan sendiri dan sudah tentu penerimaannya disambut baik oleh sebahagian masyarakat yang 'mengambil peluang' atas rukhsah yang diberikan.

Oleh itu, bagi memberi penjelasan kembali terhadap pandangan-pandangan ini maka, para pelajar wajar didedahkan dengan konsep ilmu Tajwid yang betul agar segala kesalahfahaman dapat dirungkai. Ia wajib dimulakan dengan sejarah ilmu Tajwid itu sendiri secara lebih terperinci setiap kronologi terbentuknya ilmu ini demi mengharmonikan kefahaman yang agak kontekstual terhadap penjelasan berkaitannya.

Sejarah ini penting, kerana dengannya setiap topik-topik yang bakal dipelajari nanti akan dapat difahami dengan mudah secara asasnya. Ia mampu menggambarkan keadaan sesuatu hukum yang bermula daripada riwayat lisan, pembentukan istilah serta huraian. Situasi inilah yang jarang didedahkan atas alasan meringkaskan perbahasannya agar tidak terlalu berat. Hakikatnya, alasan tersebut telah 'membunuh' konsep sebenar ilmu tajwid tanpa disedari.

Oleh itu, dalam kelas ini akan dikupas berkenaan beberapa topik penting seperti sejarah dan perkembangan ilmu Tajwid, konsep riwayat, dirayah dan hikayah serta topik berkenaan kaedah dan teknik meneliti kesahihan ilmu Tajwid berdasarkan manhaj-manhaj salim yang diwariskan ulama silam.

Sejarah dan perkembangan ilmu Tajwid:

Secara dasarnya, istilah ilmu Tajwid yang berasal daripada kalimah (جود) tidak digunakan pada zaman Baginda SAW. Selain itu, ilmu Tajwid yang disusun sebagaimana hari ini juga tidak wujud pada zaman-zaman awal sehingga kurun ke-4. 'Tidak wujud' disini bermaksud ketiadaan ilmu Tajwid dengan nama tersebut juga susunannya sebagaimana yang dipelajari secara lebih berfokus pada hari ini. Namun begitu, ilmu tersebut sememangnya sudah wujud ketika wahyu yang pertama diturunkan kepada Baginda SAW lagi. Namun, bentuk pembelajaran dan pengajarannya sahaja berbeza kerana pada waktu itu, penyebaran ilmu lebih tertumpu kepada bentuk riwayat lisan. Adapun dari sudut kefahaman, ia adalah sama dan tidak berbeza kerana para Sahabat RA berupaya menjaganya dengan baik tanpa mengubahnya walaupun sedikit.

Namun begitu, terdapat juga beberapa pandangan yang dimuatkan dalam sebahagian kitab tajwid dengan menyatakan bahawa istilah 'Tajwid' sudah mula digunakan pada zaman Sahabat RA lagi. Mereka berhujjah dengan satu athar sahabat yang bernama Abdullah Bin Mas'ud Ra dengan lafaz (جودوا القرآن) yang secara jelasnya membawa maksud 'Bertajwidlah...'. Bahkan riwayat ini dinukilkan pula oleh Imam Ibnu al-Jazariy dan Imam al-Suyuti. Tambahan lagi, athar ini juga telah dijadikan hujjah oleh sebahagian yang lain

dengan mengaitkan perkembangan ilmu Tajwid sebagai satu disiplin ilmu yang khusus adalah pada zaman Sahabat RA.

Melalui penelitian panjang yang dibuat oleh Prof Dr Ghanim, beliau berpendapat bahawasanya huruf Waw pada kalimah (جودوا) hakikatnya adalah huruf Ra (جردوا) dan kemungkinan tersalah tulis ketika proses penyalinannya. Beliau telah mendatangkan beberapa hujjah, antaranya:

- Sanad periwayatn athar tersebut sama, namun berbeza pada periwayatan lafaz.
- Rujukan silang terhadap 9 kitab hadith utama (Sunan Tis'ah) dan tidak menjumpai sebarang riwayat dengan perkataan (جودوا). Bahkan semua datang dengan lafaz (جردوا).
- Athar ini sinonim dengan peristiwa pengguguran elemen-elemen tambahan dalam mushaf sedia ada ketika itu seperti tanda pembahagian al-Quran dan lain-lain.
- Tiada kalimah (جود) digunakan dan diisyaratkan dalam al-Quran.

Situasi ini tidaklah memberi makna bahawasanya ilmu Tajwid itu tidak wujud pada zaman awal terdahulu. Bahkan ia sememangnya wujud dengan istilah yang berbeza sebagaimana beberapa lafaz lain yang digunakan dalam hadith sebagai isyarat kepada tatacara memperelokkan bacaan al-Quran seperti kalimah (التزيين), (التحبير), (التحسين), (الترتيل). Namun begitu hanya kalimah (الترتيل) digunakan bagi menggambarkan tentang ilmu Tajwid.

Bahkan, penggunaan (التجويد) mula digunakan oleh Imam Ibnu Mujahid (W 324H) melalui karya agungnya 'Al-Sab'ah'. Kalimah itu mula diisyaratkan ketika beliau menjelaskan perkara berkaitan tajuk 'Al-Lahn' dengan menyebut lafaz (والخفي.....من تجويد لفظه). Setelah itu, ia mula digunakan oleh Imam al-Sa'idiy (W 410H) melalui kitabnya 'Al-Tanbih ala al-Lahn al-Jaliy wa al-Lahn al-Khafi' dan dimasyhurkan pula selepas itu oleh Ahmad Bin Abi Umar yang wafat sekitar tahun 500 hijrah.

Namun begitu, terdapat fakta yang agak menarik apabila karya pertama yang dihasilkan berkenaan ilmu Tajwid oleh Imam Abu Muzahim al-Khaqaniy (W 325H) tidak menggunakan istilah (التجويد) akan tetapi ia menggunakan perkataan (الحسن) bagi merujuk perkara yang sama. Ini membuktikan bahawa penggunaan kalimah (التجويد) merupakan istilah peribadi yang digunakan oleh Imam Ibnu Mujahid dan ia tidaklah begitu masyhur pada waktu itu sementelah ia bukan perkataan bagi nama kitab ataupun nama topik dalam perbahasan kitab beliau.

Setelah ditelusuri lagi, sekitar akhir kurun ke-4 atau awal kurun ke-5, ahli pengkaji telah mendapati karya yang memperihalkan secara terperinci berkenaan ilmu Tajwid telah dihasilkan oleh dua tokoh yang berada di sebelah barat dunia Islam iaitu di Andalus. Tokoh tersebut adalah Abu Amru al-Daniy (W 444H) melalui karyanya 'Al-Tahtid' dan Makkiy Bin Abi Talib al-Qaisiy (W 437H) melalui kitabnya 'Al-Ri'ayah'.

Kedua-dua tokoh ini dikatakan hidup sezaman namun tidak bertemu antara satu sama lain. Namun begitu, yang uniknyanya terdapat persamaan antara kandungan dan susunan kedua-dua kitab tersebut. Bahkan para pengkaji juga tidak mampu mengenalpasti adakah salah seorang menukilkan pandangan dari yang lain atau ia satu kebetulan. Walaupun begitu, kedua-

dua kitab ini dianggap kitab rujukan utama dalam ilmu Tajwid berikutan ia merupakan kitab terawal yang lengkap dihasilkan. Hal ini turut membuktikan juga bahawa perkembangan dan penyebaran ilmu al-Quran bermula daripada sebelah barat dunia Islam. Begitulah keadaan seterusnya selepas dua karya tersebut dihasilkan dan ia disebarkan pula oleh sarjana Islam setelah itu sehingga kita dapat menikmatinya hari ini.

Walaupun dilihat karya mereka berdua muncul sekitar 400 tahun selepas zaman Baginda SAW namun perlu diketahui juga bahawa ilmu-ilmu yang menjadi asas dalam aspek bahasa Arab telah diberi perhatian lebih awal oleh sarjana terdahulu. Ia sudah muncul sekitar akhir kurun ke-2 dengan penyebarannya oleh al-Khalil (W 170H). Setelah itu disambung dan diteruskan oleh sarjana bahasa Arab selepasnya seperti Sibawaih (W 180H), al-Mubarrad (W 285H) dan ramai lagi. Karangan mereka secara asasnya mempunyai kaitan dengan ilmu Tajwid kerana al-Quran sendiri diturunkan dengan bahasa tersebut.

Gabungan antara ulama bahasa dan Qurra' telah berjaya membawa era baharu kepada penyebaran ilmu Tajwid. Hal ini berikutan para Qurra' memperihalkan ilmu Tajwid terhadap periwayatan al-Quran secara lisan dan menambah huraian berkenaannya melalui kajian yang dibuat oleh sarjana bahasa Arab. Dengan itu, telah terhasil karya ilmu Tajwid yang lengkap dan dapat dijadikan panduan oleh seluruh kaum muslimin.

Di Malaysia, sejarah perkembangan ilmu tajwid adalah selari dengan sejarah perkembangan Islam. Mengikut pendapat ahli sejarah, Islam mula bertapak di Malaysia pada abad ke-15 di mana Melaka telah muncul sebagai pusat perdagangan yang penting di Asia Tenggara. Para pedagang termasuk pedagang Arab telah datang ke Melaka untuk berdagang. Di samping berdagang, mereka juga menyebarkan Agama Islam.

Mengikut sejarah Melayu, Raja Melaka yang pertama iaitu Parameswara telah diislamkan oleh Syeikh Abdul Aziz dari Mekah pada tahun 1414 Masihi yang kemudiannya menikah dengan puteri raja dari kerajaan Pasai. Melalui perkembangan Islam inilah, para mubaligh dari Arab telah mengajar al-Quran dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan sunnah Nabi SAW. Di dalam pengajaran al- Quran, ilmu tajwid diberi penekanan yang serius agar pembacaan umat Islam betul dan mengikut apa yang telah disunnahkan oleh Rasulullah SAW. Usaha mengajar al-Quran dijalankan melalui madrasah-madrasah, rumah-rumah individu (tokoh imam) dijalankan oleh para mubaligh dari negeri Arab. Mereka menjalankan pengajian al-Quran secara bersemuka bertujuan orang yang diajar dapat membaca al-Quran dengan bertajwid, dari sinilah bermulanya perkembangan ilmu tajwid di Malaysia. Pada peringkat awal ramai mubaligh asing terutama dari arab dan India datang ke Melaka untuk menyebarkan dakwah islam. Setelah beberapa lama lahir pula para mubaligh yang terdiri dari anak-anak tempatan Melaka.

Mereka inilah yang meneruskan perjuangan menyebarkan islam dan pembacaan al-Quran bertajwid kepada penduduk-penduduk tempatan dan negeri-negeri lain disekitarnya. Konsep dakwah yang disarankan oleh islam turut mempengaruhi faktor penyebaran Islam (Al-Quran dan Syariat Islam). Setiap individu islam bertanggungjawab menyampaikan ajaran ini kepada orang lain, telah menyebarluaskan lagi islam di Malaysia. Sejarah juga menyatakan bahawa Islam sampai ke Kedah pada 291 H (903 M) dengan penemuan batu nisan tertua di Tanjung Inggeris. Di negeri Kelantan pula pada tahun 577H (1181 M) dengan penemuan dinar emas di Kota Kubang Labu, Tumpat. Penemuan Batu Bersurat di Terengganu pada 702H (1302M) membuktikan bahawa negeri Terengganu juga menerima Islam. Ini kerana diyakini oleh ahli sejarah Islam bahawa perkembangan pengajian al-Quran dan tajwid juga bermula dari tarikh dan tempat tersebut. Mengikut sejarah perkembangan ilmu tajwid, penyusun ilmu tajwid yang pertama

dalam bahasa Melayu adalah seorang ulama yang bernama Muhammad Salih bin Ibnu Mu'ti bin Syeikh Muhammad Salih al-Kalantani. Asal usulnya tidak diketahui tetapi mengikut sejarah nama di akhir adalah al-Kalantani, berkemungkinan beliau berasal dari Kelantan. (nama ini terdapat dalam sebuah buku karya beliau berjudul 'Miratul Quran').

Melalui penelitian terhadap karya-karya klasik tajwid di Tanah Melayu dan Nusantara, maka didapati para ilmuwan terdahulu mengarang kitab-kitab Tajwid dan menulis mushaf dengan pelbagai versi Qiraat. Ini menjadi bukti betapa perkembangan ilmu bacaan al-Quran dalam kalangan masyarakat melayu terdahulu sudah tersebar begitu meluas. Namun, persoalan seterusnya adalah, kenapa pada hari ini Riwayat Hafs mengikut jaluran al-Syatibiy menjadi bacaan rasmi di Malaysia?

Pengamalan bacaan al-Quran mengikut Riwayat Hafs di Malaysia dikaitkan dengan pengaruh khilafah Turki Uthmaniah. Sebagaimana yang dimaklumi bahawa empayar khilafah Turki Uthmaniah meluas sehingga ke Nusantara termasuk Tanah Melayu. Ia bermaksud, Tanah Melayu pernah mendapat naungan daripada khilafah tersebut. Bagi mengeratkan lagi antara negeri-negeri yang bernaung dengan khilafah Turki Uthmaniah, kerjaan mereka telah menghantar pendakwah-pendakwah untuk menyebarkan lagi berkenaan ajaran islam termasuk bacaan al-Quran. Oleh kerana bacaan rasmi di kerajaan Turki Uthmaniah ketika itu adalah bacaan Riwayat Hafs maka pendakwah mereka turut menyebarkan tanpa menafikan amalan riwayat-riwayat lain.

Maka, dengan sebab itu masyarakat melayu memberi fokus kepada riwayat tersebut dari sudut bacaan dan penyebarannya sehingga hari ini.

Istilah Tajwid

Dalam pembelajaran sesuatu ilmu, istilah merupakan asas yang wajib difahami dengan baik oleh penuntutnya. Para ulama zaman berzaman telah merangka strategi bagi menyampaikan sesuatu ilmu dengan baik tanpa kesamaran. Justeru, mereka telah merekacipta istilah bagi setiap disiplin ilmu. Ilmu Tajwid juga tidak terlepas daripada penggunaan istilah yang pelbagai. Hal ini secara dasarnya, boleh mengakibatkan kesukaran bagi memahami sesuatu ilmu kerana istilah-istilah yang wujud dan pelbagai.

Dalam pembelajaran ilmu Tajwid di Malaysia, bahkan diseluruh negara bukan arab telah mengekalkan istilah-istilah yang digunapakai dalam kitab-kitab arab. Keadaan ini menyebabkan masyarakat awam berhadapan dengan kesukaran mengingat istilah-istilah ini dan turut gagal memahaminya dengan baik. Situasi ini menyebabkan ilmu Tajwid dan segala huraianya tidak mampu memandu bacaan seseorang ketika usaha memadankan bacaan dan juga teori ilmunya. Inilah realiti yang berlaku kepada sebahagian besar pelajar ilmu Tajwid namun ia tidak diluahkan kerana mempunyai sifat yang terlalu 'taat' kepada pengajaran guru. Semua ajaran diterima tanpa ditaaikul bagi mendapatkan kefahaman yang seiring antara teori dan praktikal. Tambahan lagi, kebanyakn huraian terhadap istilah-istilah tersebut dibuat secara kontekstual dan difahami secara literal tanpa ada rujukan silang. Oleh sebab itu, masih ada yang gagal memahami makna izhar, idgham, ikhfa dan lain-lain.

Oleh itu, menjadi satu kewajaran bagi setiap pelajar ilmu ini cuba mendapatkan ilmu yang baik, jelas dan nyata bagi memahami setiap istilah-istilah yang ada.

Berdasarkan penjelasan oleh sarjana bahasa Arab, mereka bersepakat menyatakan bahawa istilah adalah satu kalimah yang berasal daripada (صَلَح) dalam bahasa Arab sebagaimana yang dinyatakan oleh Khalil Bin Ahmad al-Farahidiy dalam kitab 'Al-Ain'. Ia memberi makna baik dan tepat. Dan jika dilihat secara terperinci ia membawa maksud sesuatu perkataan yang dibentuk bagi menggambarkan maknanya. Al-Jurjani pula menyatakan bahawa ia bermaksud sesuatu kesepakatan yang dipersetujui oleh sekelompok manusia dalam perletakan sesuatu lafaz bagi menghuraikan sesuatu makna.

Oleh itu, perletakan sesuatu istilah adalah perkara asas yang penting sebelum sesuatu ilmu itu didalami. Hal ini kerana, ketidakselarian menggunakan istilah untuk menjelaskan maknanya maka sudah tentu akan membawa kepada pemahaman yang menyimpang daripada asalnya. Atas perkara inilah, para sarjana ilmu Tajwid telah melakukan proses pembinaan istilah dengan begitu teliti dan begitu juga perincian dan penjelasannya. Jika diteliti istilah-istilah yang wujud hari ini hakikatnya sudah sedia wujud pada zaman ulama silam, namun pada beberapa keadaan istilah tersebut berubah fungsinya kerana beberapa sebab yang lebih konkrit.

Bagi memastikan agar istilah-istilah ini selari dengan maknanya, dan makna pula selari dengan riwayat lisannya maka kriteria berikut telah dijadikan syarat utama dalam pembentukan setiap istilah tersebut. Antaranya:

- 1- Istilah yang jelas dan tidak mengelirukan
- 2- Istilah yang tepat bagi menjelaskan bacaan dengan tepat dan teliti
- 3- Istilah yang ringkas perkataanya dan tidak meleret
- 4- Istilah yang bersifat universal dan boleh digunapaki oleh semua riwayat

Namun begitu, jika dipelajari ilmu ini maka turut didapati berlakunya perbezaan istilah antara para ulama. Perbezaan ini kadang-kadang berlaku kerana berbeza kefahaman dan dialek. Oleh itu, setiap pelajar ilmu Tajwid wajib mengetahui bahawa istilah merupakan acuan penting dalam menjelaskan makna riwayat lisan sesuatu bacaan. Dalam disiplin ilmu ini juga, perlu diingatkan bahawa istilah yang digunakan adalah meliputi keseluruhan riwayat yang ada tanpa dihadkan kepada mana-mana riwayat secara khusus.

Manhaj Qurra

Para ulama Tajwid telah mengambil pendekatan yang paling baik dalam menghuraikan ilmu Tajwid. Gabungan antara pandangan-pandangan yang meliputi ulama bahasa Arab merupakan asas penting dalam memperhalusi setiap topik yang dipadankan dengan bacaan lisan secara riwayat. Manhaj yang menjadi keutamaan para ulama Tajwid ini telah disimpulkan oleh al-Hassan al-Muradiy (W749H). Beliau telah memperihalkannya sebagaimana berikut:

- Ilmu berkaitan Makhraj huruf:

Ia merupakan satu saranan yang sangat praktikal dalam ilmu pembacaan al-Quran. Hal ini kerana pembacaan al-Quran tidak sempurna melainkan pembaca dapat mengetahui dan membezakan sebutan setiap huruf dengan baik. Pesanan ini juga datang daripada beberapa tokoh yang lain seperti al-Daniy (W444H), al-Hamazaniy al-Attar (W569H), Ibnu al-Jazariy (W833H) dan lain-lain.

- Sifat huruf

Perbahasan sifat huruf merupakan satu perbahasan yang sangat sukar berbanding makhraj huruf dan bab-bab lain dalam ilmu Tajwid. Ini diakui oleh al-Hamazaniy al-Attar dengan menyifatkan ia sebagai 'Qutub ilmu Tajwid'. Gambaran ini hakikatnya bukanlah untuk menakutkan pelajar ilmu Tajwid, akan tetapi ia merupakan satu penjelasan dan peringatan bahawa perbahasan topik ini memerlukan fokus dan daya kefahaman yang tinggi.

Peringatan ini merupakan satu penerangan yang tepat jika diukur dengan situasi hari ini apabila ramai para pelajar ilmu Tajwid gagal memahami perbahsannya dengan baik. Kebanyakan daripada mereka hanya menghafaz istilah tanpa memahaminya dengan baik bahkan mereka terikat dengan terjemahan-terjemahan daripada kitab arab secara kontekstual dan perkata.

Walhal perbahasan sifat huruf memerlukan daya kefahaman yang tinggi kerana perlu digabungkan antara penilaian ilmu Tajwid dan juga penerangan daripada sarjana bahasa Arab. Jika ini yang dilakukakn, nescaya para pelajar ilmu Tajwid mampu memahami praktikal sifat huruf dengan baik.

Antara faktor utama berlakunya sedemikian kerana keadaan topik ini yang lebih bersifat subjektif dan ia perlu dikuasai melalui para guru yang mursyid serta perlu membuat rujukan yang banyak. Selain itu, keadaan sifat huruf yang tidak boleh dikesan dengan mudah melalui bacaan juga menambah lagi kesukaran memahaminya dengan begitu jelas.

- Tarkib (gabungan) huruf

Apabila seseorang telah menguasai topik makhraj huruf dan sifat maka perkara yang perlu dilakukan oleh pembaca al-Quran adalah kemahiran menggabungkan seluruh teori yang dipelajari dan dilaksanakan dalam bacaan al-Quran. Ia boleh dilatih secara tunggal dan kemudian gabungan huruf-huruf dengan jumlah yang kecil dan seterusnya gabungan perkataan sehingga ayat yang sempurna. Ini merupakan proses yang dilakukan dalam pembelajaran asas Tajwid dan juga bagi memastikan ia dapat dipraktikkan dengan baik selari dengan teorinya.

- Riadah Lisan

Ini adalah elemen terakhir yang dinyatakan oleh al-Muradiy dan menjadi satu keperluan bagi setiap pembaca al-Quran. Hal ini kerana tanpa latihan pada sebutan setiap huruf, sudah tentu bacaan seseorang tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Setiap pembaca mempunyai kemampuan yang berbeza maka sudah tentu dari sudut penguasaannya juga berbeza. Oleh itu, saranan yang dibuat ulama terdahulu dalam bacaan al-Quran adalah sangat relevan kerana ia merupakan asas yang menjadi tunjang kepada sesuatu riwayat al-Quran.

Saranan agar setiap pembaca al-Quran melatih lidah masing-masing adalah sangat praktikal kerana bacaan al-Quran hanya akan dapat dikuasai dengan mengaplikasikan teori dalam bacaan. Ini merupakan kaedah awal yang dilakukan oleh Nabi SAW dan juga para sahabat RA.

PENGENALAN RIWAYAH DAN DIRAYAH

Para Sahabat RA merupakan generasi awal yang mendapat bimbingan langsung daripada Baginda SAW. Mereka telah berupaya memikul amanah besar bagi memastikan kelestarian warisan Nabi akhir zaman ini kekal sehingga hujung dunia. Hal yang demikian dapat dilihat daripada kesungguhan dan ketekunan mereka berteleku menerima ilmu daripada Baginda SAW.

Lihat sahaja kesungguhan para khulafa rasyidun dalam menjaga amanah ilmu tersebut. Dalam setiap bidang disiplin ilmu, terlihat jelas figura-figura penting para sahabat RA sehingga menjadi rujukan dan mendapat gelaran tertentu. Abu Hurairah RA umpamanya, sangat terkenal dalam bidang periwayatan hadith, Ibnu Abbas RA terkenal dalam bidang tafsir, Muaz Bin Jabal dalam bidang fiqh, Abdullah Bin Mas'ud dan Zaid bin Thabit RA terkenal dalam bidang al-Quran.

Dalam bidang periwayatan al-Quran pula, sejarah telah menyaksikan betapa para sahabat RA telah begitu teliti menukilkkan riwayat al-Quran walaupun terkadang ia banyak menyelisihi percakapan arab biasa seperti elemen ghunnah, mad, saktah dan tahsin bacaan. Semua bentuk bacaan ini dijaga rapi oleh para sahabat RA dan ia merupakan bentuk riwayat pertama yang dijadikan tradisi dalam periwayatan al-Quran secara lisan.

Namun begitu, bukan sekadar itu sahaja akan tetapi Baginda SAW turut mengarahkan para sahabat yang terdiri daripada penulis wahyu seperti Zaid bin Thabit RA menulis setiap lafaz daripada al-Quran tanpa tertinggal walaupun satu huruf. Asas inilah yang menjadikan al-Quran itu turut diberi perhatian dari aspek dirayah.

KONSEP RIWAYAH DAN DIRAYAH

- **Riwayah** merupakan satu istilah yang berasal daripada perkataan (روى يروي) dengan maksud menanggung atau menukilkan. Ia memberi gambaran kepada kaedah penyampaian yang digunakan terhadap bacaan al-Quran. Ia diriwayatkan secara lisan daripada mulut Nabi SAW dan dipindahkan kepada para Sahabat RA. Ahli bahasa memaksudkan riwayat disini adalah secara hafazan (استظهار من القلب). Ia membawa maksud bahawasanya periwayatan al-Quran secara hakikatnya adalah dengan hafazan. Para Sahabat mendengar bacaan daripada Nabi SAW dan menghafaznya. Ada sebahagian mereka menghafaz keseluruhan al-Quran dan sebahagian yang lain menghafaz sebahagian al-Quran sahaja. Keadaan ini tidaklah asing bagi para sahabat yang memiliki ciri-ciri arab yang asli apabila mereka mampu menghafaz setiap riwayat daripada Nabi SAW. Hal ini dibuktikan dengan pujian dan pengiktirafan Nabi SAW kepada sebahagian sahabat seperti Abdullah bin Mas'ud RA sebagaimana sabdaan Baginda SAW:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يَقْرَأَ الْقُرْآنَ غَضًّا كَمَا أُنْزِلَ ، فَلْيَقْرَأْهُ عَلَى قِرَاءَةِ ابْنِ أُمِّ عَبْدِ

Bermaksud: “Barangsiapa yang ingin membaca al-Quran sebagaimana ia diturunkan, maka hendaklah dia membaca sebagaimana bacaan Ibn Ummi Abd (Ibnu Mas'ud RA)”.

Begitu juga peristiwa yang berlaku kepada Abu Musa al-Asy'ariy RA apabila Nabi SAW memuji bacaan beliau yang sangat merdu. Selain itu, dari sudut periwayatan juga Nabi SAW telah memberi pengiktirafan kepada beberapa sahabat lain seperti Ubay Bin Kaab RA yang mempunyai pengetahuan dan kemhairan tinggi dalam ilmu pembacaan al-Quran. Semua ini dilakukan dengan kaedah asasnya iaitu ‘Talaqqi & Musyafahah’.

Istilah riwayat disini para Qurra' membawa kepada dua makna. Pertama, ia merujuk kepada riwayat-riwayat al-Quran yang dinisbahkan kepada para Imam Qurra sepuluh. Keduanya, ia merujuk kepada makna kaedah pengambilan dan penerimaan bacaan al-Quran secara talaqqi dan musyafahah lisan antara seorang guru dan pelajarnya. Jadi, perbincangan konsep riwayat disini adalah merujuk kepada makna kedua.

- **Dirayah** pula berasal daripada kalimah (دری) yang bermaksud huraian terhadap bacaan riwayat dari sudut ilmu yang pelbagai seperti ilmu Tajwid, Qiraat, Bahasa Arab dan lain-lain yang berkaitan. Ia merupakan sudut terpenting dalam menyokong setiap bacaan lisan kerana dengannya para pembaca dapat memahami sebab berlakunya sesuatu bentuk bacaan. Imam Ibnu al-Jazariy sendiri telah mengkategorikan para pembaca al-Quran dengan beberapa kategori seperti sebahagiannya hanya mampu membaca al-Quran secara lisan dan tidak mengetahui dirayahnya, yang mengetahui dirayah tetapi tidak menepati pada riwayatnya dan yang paling utama adalah golongan yang mahir pada riwayat dan dirayahnya sekali.

Secara jelasnya dapat difahami bahawasanya riwayat adalah bentuk periwayatan lisan manakala dirayah pula adalah huraian terhadap riwayat tersebut. Namun demikian, yang paling penting untuk difahami adalah kedua-dua istilah tersebut datang daripada sumber yang sama iaitu nukilan atau istilahnya al-Naql. Ataupun boleh difahami juga riwayat itu adalah nukilan secara amali dan dirayah pula nukilan secara ilmi.

Perlu diingatkan bahawa dalam ilmu pembacaan al-Quran secara umum melibatkan dua ilmu yang saling berkaitan iaitu ilmu Tajwid dan ilmu Qiraat. Oleh sebab itu sebahagian ulama menyatakan bahawa ilmu Qiraat adalah riwayat dan ilmu Tajwid pula adalah dirayah. Oleh itu, kitab-kitab yang menerangkan wajah-wajah bacaan pada khilaf qiraat dianggap sebagai kitab riwayat manakala huraian hukum-hukum bacaan dalam ilmu Tajwid pula dianggap kitab dirayah.

Sejarah periwayatan al-Quran bermula dengan kaedah lisan dan kemudiannya disokong dengan riwayat kitab. Pada zaman awal, ia tidak menjadi suatu keadaan yang asing dengan cara tersebut kerana para sahabat RA dikenali sebagai arab yang fasih. Kemampuan mereka menangkap bacaan Nabi SAW dengan tepat tanpa sebarang perubahan. Namun demikian, setelah zaman berlalu dan masyarakat sudah menjauh dari zaman nubuwah dari sudut garis masanya maka sudah tentu ia turut memberi kesan kepada riwayat lisan tersebut. Ia sebagaimana yang diingatkan oleh al-Mar'asyi RH:

لكن لما طالت سلسلة الأداء تخلل أشياء من التحريفات في أداء أكثر شيوخ الأداء ، والشيخ الماهر الجامع بين الرواية والدراية المتفطن لدقائق الخلل في المخارج والصفات أعزّ من الكبريت الأحمر ، فوجب علينا أن لا نعتمد على أداء شيوخنا كلّ الاعتماد ، بل نتأمل فيما أودعه العلماء في كتبهم من بيان المسائل هذا الفنّ ، ونقيس ما سمعنا من الشيوخ على ما أودع في الكتب ، فما وافق فهو الحقّ ، وما خالفه فالحق ما في الكتب.

Bermaksud: "Akan tetapi setelah panjangnya silsilah bacaan maka telah berlaku banyak kerosakan pada bacaan kebanyakan para ahli al-ada', dan guru yang mahir itu adalah yang menggabungkan antara riwayat dan dirayah yang begitu mahair dalam meneliti kesalahan pada makhraj dan sifat huruf adalah lebih susah dijumpai berbanding belerang merah. Maka menjadi kewajipan kepada kita agar tidak berpegang secara mutlak terhadap

bacaan para guru bahkan hendaklah diteliti padanya sebagaimana yang dihimpunkan oleh para ulama dalam kitab mereka daripada segala keterangan berkenaan isu ilmu ini dan kita wajar mengkiaskan apa yang kita dengari daripada guru dengan apa yang disebutkan dalam kitab, maka jika ia bertepatan maka itu adalah yang betul dan jika sebaliknya maka apa yang ada dalam kitabliah yang betul'.

Perkataan Imam al-Mar'asyi ini merupakan perkataan yang sangat wajar untuk kita insafi. Ini kerana, bacaan lisan terdedah dengan perubahan kerana ia diwariskan dari satu generasi kepada satu generasi yang berkemungkinan boleh berubah dengan berubahnya setiap zaman. Selain itu, terdapat juga hari ini yang menganggap bacaan merekalah yang paling tepat setelah bertalaqqi dengan para guru dan mendapatkan sanad daripada mereka. Dan lebih mengecewakan apabila ada individu yang hanya berhujjah pada bacaannya dengan jawapan ini adalah 'talaqqi'.

Perlu diketahui bahawasanya, perkara ini perlu diteliti agar hujahan atas bacaan tidak boleh menjadikan 'talaqqi' itu sebagai membenarkan kesalahan yang dilakukan. Ia merupakan kaedah tempang yang tidak disedari oleh ramai pembaca al-Quran hatta para guru sekalipun. Jika terdapat khilaf pada bacaan daripada beberapa guru dan saling membenarkan bacaan masing-masing dengan hujjah 'itulah talaqqi dengan guru' maka sudah tentu ia menyukarkan bagi menghakimi perbezaan tersebut. Keadaan inilah yang perlu difahami oleh setiap pencinta al-Quran agar setiap khilaf dalam bacaan boleh diselesai dengan cara yang paling tepat.

Selain itu, terdapat juga yang berhujjah atas setiap bacaan itu dengan menukulkan nas-nas daripada kitab-kitab Tajwid dan Qiraat. Disini, perlu dijelaskan juga bahawa nas-nas kitab juga tidak boleh diterima secara mutlak melainkan terlebih dahulu melihat sumbernya. Sumber kitab Tajwid yang paling berautoriti adalah kitab-kitab yang datang daripada ulama Mutaqaddimun seperti Al-Daniy dan Makkiy dan beberapa yang lain.

Sikap berpada dengan beberapa karya ringkas ilmu Tajwid yang dikarang oleh penulis kontemporari juga menjadi faktor dari sudut kekeliruan merujuk sumbernya yang betul dan tepat. Oleh itu, para pelajar ilmu Tajwid juga perlu didedahkan dengan kitab-kitab karangan ulama mutaqaddimun berbanding kitab ringkasan yang tidak merujuk sumber tersebut. Hal ini sudahpun dipesan oleh al-Daniy ketika mengulas maksud matan al-Khaqaniy dengan menyifatkan buku-buku tersebut dengan (الكتب المبتاعة).

Imam Makkiy juga berpesan agar setiap daripada pembaca al-Quran menilai sesuatu hujahan bacaan dengan nas kitab. Ini kerana, sesuatu riwayat lisan itu menjadi lebih kuat jika disokong dengan kenyataan kitab berbanding riwayat lisan tanpanya. Jelas beliau lagi, ini kerana manusia adalah tidak terlepas daripada sebarang kesilapan maka berkemungkinan berlakunya kesalahan dalam menukulkan bacaan tersebut secara lisan.

Kesimpulannya, bacaan al-Quran secara lisan wajib diambil melalui kaedah talaqqi musyafahah namun begitu ia bukan sekadar lisan bahkan secara pendalilan kitab-kitab ulama terawal. Hal ini bukan mengurangi riwayat lisan akan tetapi satu bentuk penjagaan terhadap bacaan tersebut agar ia tidak mudah diselewengkan dan dinyatakan secara mudah oleh mana-mana individu dengan sebab-sebab yang pelbagai.

PERBAHASAN LAFAZ BASMALAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَسَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾ [آل عمران].

🌸 Mukadimah:

Lafaz basmalah merupakan satu lafaz yang agung makna dan pengertiannya kepada umat Islam. Ia menjadi tempat umat Islam berpaut dalam melakukan segala pekerjaan dan amalan lantaran ia sememangnya menjadi tuntutan beragama. Lafaz agung ini sememangnya diketahui cara menyebutnya dengan baik, namun begitu tidak ramai yang cuba memerhatikan isyarat-isyarat ilahi melaluinya. Oleh itu, berlakulah keadaan dimana sebutannya hanya pada lisan namun tidak pada hati dan sanubari.

Semoga dengan perkongsian kali ini, dapat menjernihkan hati kita untuk memaknai sebuah lafaz agung yang akan menyedarkan diri kita betapa Allah SWT adalah tujuan dan maksud hidup kita. Bagi memulakan perbahasan ini, maka susunan yang dibuat adalah sebagaimana berikut:

- **Pengertian Basmalah:**

Ibnu Hisham al-Ansariy berkata: “Basmalah dari sudut bahasa adalah perkataan (Bismillah), manakala dari sudut istilah pula bermaksud “lafaz (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ)¹.

Hakikat makna lafaz ini adalah sebagaimana penjelasan yang dibuat oleh beberapa tokoh ulama, antaranya:

1- Abdul Rahman al-‘Atimiy: ‘Maknanya adalah sebagaimana yang diperjelaskan oleh ulama-ulama tafsir iaitu kita tidak boleh memulakan sesuatu perkara dengan memohon pertolongan mahupun mengambil berkat kecuali hanya kepada Allah SWT’².

2- Muhammad Ali al-Sobuniy: ‘Lafaz Basmalah bermaksud: ‘Aku memulakan sesuatu dengan nama Allah SWT dan mengingatnya sebelum sesuatu bertujuan memohon pertolongan dari-Nya dalam setiap urusanku, juga memohon perlindungan-Nya kerana Dia sangat berkuasa atas segala sesuatu’³.

3- Al-Maraghiy: ‘Ia bermaksud: “Sesungguhnya aki melakukannya dengan kehendak Allah SWT dan kerana-Nya, tidaklah untuk memuaskan hatiku semata mahupun kerana nafsu syahwat, boleh juga difahami bahawasanya setiap kemampuan melakukan sebarang pekerjaan adalah daripada-Nya, dan sekiranya Dia tidak mengurnikan kepadaku kekuatan nescaya aku tidak mamou melakukannya, maka dengan sebab itu aku berlepas diri daripada mengnisbahkan segala pekerjaannku kepada diriku semata-mata, bahkan ia adalah dengan nama-Nya yang Maha Tinggi, kerana aku sedar bahawa aku sentiasa mengharapkan pertolongan dan kekuatan daripada-Nya, dan jika

¹ Muhammad Ali al-Sobban, al-Risalah al-Kubra fi al-Basmalah, hlm 156.

² Ibnu al-Mulqin, Tafsir Ghraib al-Quran, hlm 45.

³ Al-Sobuniy, Tafsir Rawa’I al-Bayan, jld 1, hlm 20.

Dia tidak mengizinkannya maka sudah tentu aku tidak mampu melaksanakannya”⁴.

4- Al-Mutawalliy al-Sya'rawiy: “Dan engkau ketika mana memulakan setiap sesuatu dengan nama Allah SWT, seolah-olah engkau menjadikan Allah SWT peneman disampingmu untuk membantumu, dan dengan rahmat-Nya yang luas, Dia telah mengajarkan kita untuk memulakan sesuatu dengan menyebut nama-Nya kerana Dia (Allah) adalah satu nama yang meliputi padanya seluruh sifat kesempurnaan, dan adapun setiap perbuatan itu memerlukan kepada sifat-sifat yang pelbagai, maka engkau ketika memulakan sesuatu amalan sudah tentu berhajat kepada kudrat daripada Allah SWT, kekuasaan-Nya, pertolongan-Nya, rahmat-Nya, dan sekiranya Allah SWT tidak memberitahu kepada kita tentang satu nama yang mengandungi segala sifat-Nya maka sudah tentu kita akan menetapkan setiap sifat berdasarkan keperluan kita seperti menyebut (بِسْمِ اللَّهِ الْقَوِي), (بِسْمِ اللَّهِ الرَّازِقِ), (بِسْمِ اللَّهِ النَّافِعِ), (بِسْمِ اللَّهِ) , (بِسْمِ اللَّهِ الْقَادِرِ), (بِسْمِ اللَّهِ الْمَجِيبِ) danlainya daripada sifat-sifat kesemournaan-Nya akan tetapi Allah SWT telah mengajarkan kita dengan satu lafaz iaitu (Allah) yang mengandungi segala sifat-Nya yang maha Esa”⁵.

- **Kelebihan Basmalah:**

Kelebihan yang terdapat dalam kalimah ini sangat banyak dan besar. Namun begitu, secara ringkasnya adalah sebagaimana berikut:

- ✓ Menurut sunnah Baginda SAW.
- ✓ Mengambil keberkatan lafaz tersebut sebelum memulakan sesuatu pekerjaan.

⁴ Al-Maraghiy, Tafsir al-Maraghiy, jld 1, hlm 30.

⁵ Al-Sya'rawiy, Tafsir al-Sya'rawiy, jld 1, hlm 42.

- ✓ Membesar dan mengagungkan Allah SWT.
 - ✓ Sebagai syiar Islam.
 - ✓ Menjauhkan daripada gangguan dan godaan syaitan.
 - ✓ Membezakan antara amalan muslimin dan musyrikin yang menyebut nama-nama patung berhala mereka.
 - ✓ Ikrar seorang hamba terhadap keesaan Allah SWT.
 - ✓ Sebagai cara memohon pertolongan daripada Allah SWT.
- **Sebab kenapa dimulai al-Quran dengan Basmalah:**
 - ✓ Lafaz Basmalah adalah 'big picture' kepada seluruh ayat dan surah selepasnya.
 - ✓ Salah satu bentuk dalam mendidik umat Islam agar sentiasa memulakan sesuatu diringi dengan ingatan kepada Allah SWT.
 - ✓ Ia sebagai simbolik kepada 'sumpah' berkenaan kandungan dan keterangan dalam al-Quran adalah benar semuanya, sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam al-Qurtubiy:

قال العلماء: (بسم الله الرحمن الرحيم) قسم من ربنا أنزله عند رأس كل سورة يقسم لعباده إن هذا الذي وضعت لكم يا عبادي في هذه السورة حق وإني أفي لكم بجميع ما تضمنت في هذه السورة من وعدي ولطفي وبري

Bermaksud: "Ulama telah berkata: (بسم الله الرحمن الرحيم) adalah sumpah daripada Tuhan kita yang diturunkannya pada setiap permulaan surah. Ia bertujuan sebagai bentuk sumpah kepada hamba-Nya "sesungguhnya apa yang aku sampaikan kepada kamu dalam surah ini adalah benar dan aku

telah menyempurnakan kepada kamu semua apa yang terkandung di dalamnya dan hal ini daripada janji-Ku, kelembutan-Ku dan kebaikan-Ku"⁶.

- ✓ Orang-orang kristian memulakan doa mereka dengan nama 'Bapa anak' dan 'Roh al-Kudus' iaitu konsep trinititi dalam bab ketuhanan, maka adanya lafaz Basmalah sebagai permulaan kepada setiap amalan bagi orang Islam adalah sebagai hujahan balas secara tidak langsung kepada kepercayaan mereka bahawasanya Allah SWT Maha Esa walaupun berbilang namanya kerana nama-nama tersebut adalah mewakili sifat-sifat bagi Allah SWT dan bukannya bermakna Allah SWT itu lebih daripada satu⁷.
- ✓ Penyebutan lafaznya adalah simbolik kepada rasa malunya seorang hamba kepada Allah SWT sebagaimana yang ditunjukkan oleh para anbiya terdahulu.
- ✓ Secara tersirat, ia merupakan lafaz dengan mesej dakwah kepada hamba-Nya agar sentiasa beringat menjauhkan diri daripada sebarang kemaksiatan dan seterusnya sebagai motivasi dan galakan kepada umat Islam agar sentiasa bertaubat kepada-Nya. Oleh kerana ini, lafaz ini dilengkapi dengan sifat Al-Rahman dan Al-Rahim yang menjadi keperluan setiap hamba agar sentiasa mendapat pandangan kasih sayang dan belas kasihan Allah SWT.

Melihat perkara ini, maka para ulama telah mengambil sikap untuk sentiasa memulakan sebarang bentuk penulisan dengan nama Allah SWT.

⁶ Al-Qurtubiy, al-Jami' Li Ahkam al-Quran. Jld 1, hlm 91.

⁷ Ibnu Asyur, al-Tahrir wa al-Tanwir, jld 1, hlm 151.

- **Isu-isu berkenaan Basmalah:**

Terdapat beberapa isu berkenaan Basmalah yang boleh dihayati dengan lebih mendalam, antaranya:

- ✓ Mengapa Nabi Sulaiman AS mendahulukan nama Baginda berbanding lafaz Basmalah ketika mengutus surat kepada Balqis sebagaimana firman Allah SWT:

﴿إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ وَإِنَّهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾

Bermaksud: "Sesungguhnya surat itu dari Nabi Sulaiman, dan kandungannya

(بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ)"

Persoalan yang timbul adalah, kenapa dikemudiankan lafaz Allah SWT yang sepatutnya mendahului sesuatu. Maka penjelasan ini telah disebutkan oleh Imam Fakhr al-Raziy⁸:

- ❑ Sesungguhnya ketika Ratu Balqis tercari-cari gerangan yang mengirimkan satu surat kepada beliau yang diletakkan diatas bantal telah terlihat oleh burung Hud-Hud yang mengintai ditepi tingkap bilik beliau. Ketika itu burung Hud-Hud melihat Ratu Balqis mengambil surat tersebut dan membacanya seraya berkata: "Surat ini daripada Sulaiman" dan ketika membukanya beliau melihat tertulisnya lafaz 'Basmalah' seraya berkata: "Sesungguhnya surat ini terkandung padanya nama Allah SWT". Maka difahami dari situasi ini, bahawa lafaz ﴿إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ﴾ adalah daripada perkataan Balqis dan bukannya daripada Nabi Sulaiman AS. Oleh sebab itu, tidak mengapa didahulukan nama Nabi Sulaiman AS berbanding Allah SWT.
- ❑ Kemungkinan juga ketika Nabi Sulaiman AS menulis surat kepada Balqis dengan tajuk ﴿إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ﴾ dan kandungannya adalah lafaz ﴿بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾

⁸ Fakhr al-Raziy, al-Tafsir al-Kabir, jld 1, hlm 1699 & 199.

(الرَّحِيمِ) sebagaimana kebiasaan surat ditulis. Oleh itu, ketika Balqis mendapat surat tersebut dan beliau menyebut (إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ) dan ketika membukanya membaca pula (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) dan menyebut pula (وَإِنَّهُ) (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ).

- ❑ Sesungguhnya Balqis adalah seorang kafir. Oleh itu, untuk mengelakkan Balqis mencemuh nama Allah SWT ketika sampai kepada beliau surat tersebut maka didahulukan nama Baginda AS dengan harapan jika dicemuh, nama Baginda AS terlebih dahulu dicemuh sebelum Allah SWT.
- ✓ Mengapa pada sebahagian amalan dalam Islam tidak dimulai dengan Basmalah seperti Azan, Solat, Haji dan zikir-zikir tertentu?tidakkah ia bertentangan dengan hadith Nabi SAW yang berbunyi (كل أمر ذي بال لا يبدأ ببسم) (الله فهو أجزم) iaitu setiap sesuatu perkara yang tidak dimulai dengan Basmalah kurang berkatnya.
- ❑ Jawapannya adalah ibadat-ibadat yang dinyatakan tersebut secara umumnya sudah merangkumi maksud dan tujuan yang sama iaitu adanya ingatan kepada Allah SWT. Oleh itu, lafaz Basmalah tidak lagi dinyatakan secara khusus dalam ibadat tersebut.
- ✓ Adakah dibenarkan untuk menulis lafaz Basmalah sebagai permulaan syair arab?
- ❑ Perkara ini telah berlaku khilaf dalam kalangan ulama sendiri kepada dua pendapat:
- ❖ **Hukumnya adalah dilarang:** Pandangan ini datang daripada beberapa ulama seperti al-Sya'biy, al-Zuhriy dan beberapa tokoh lain⁹.

⁹ Al-Tabariy. Al-Jami Li Ahlam al-Quran, jld 1, hlm 97.

- ❖ **Hukumnya adalah harus:** Pandangan ini datang daripada beberapa tokoh seperti Said Bin Jubair, al-Khatib al-Baghdadiy, al-Safariniy dan beberapa yang lain¹⁰.

Kesimoulannya, harus memulakan sesuatu syair arab dengan lafaz Basmalah sekiranya kandungannya adalah bertepatan dengan syarak manakala haram jika sebaliknya.

- **Kaitan lafaz Basmalah dengan aspek ketuhanan:**

Kandungan intipati daripada lafaz Basmalah secara jelas telah menunjukkan kaitannya dengan akidah umat Islam. Ringkasannya sebagaimana berikut:

- ✓ Kandungan lafaz Basmalah adalah satu bentuk perakuan berkenaan keesaan Allah SWT yang hanya Dia berhak untuk disembah dan diagungkan. Ia mengajar umat Islam bahawa Allah SWT sahajalah yang berkuasa ke atas sesuatu dan tiada tuhan selain-Nya.
- ✓ Nama Allah SWT itu sendiri jika difahami dengan baik akan menyedarkan diri kita bahawa cara yang Allah SWT ajarkan kepada kita untuk mengenaliNya adalah dengan perantara utusan para rasul yang mulia. Dan sebutan lafaz (الرحمن) itu juga secara jelas menunjukkan bahawa keterangan-keterangan yang disampaikan melalui pertantaraan mereka adalah salah satu bentuk rahmat dan kasih sayangnya Allah SWT kepada manusia supaya tidak terpesong daripada ajaran sebenar.
- ✓ Lafaz Basmalaah juga berupaya menolak fahaman kristian yang mempercayai konsep trinititi dengan penggunaan lafaz Allah SWT.

¹⁰ Al-Tabariy. Al-Jami Li Ahlam al-Quran, jld 1, hlm 407.

- **Lafaz Basmalah khusus untuk umat Nabi SAW?:**

Perbahasan tajuk ini berkisar kepada empat (4) pendapat:

- ✓ Lafaz ini bukanlah khusus kepada umat nabi Muhammad SAW sahaja bahkan ia turut digunakan oleh umat-umat terdahulu. Pandangan ini merujuk kepada penjelasan Imam al-Alusiy dan beberapa yang lain:
- ❑ Setiap kitab samawi yang diturunkan sebelum al-Quran dimulai dengan Basmalah¹¹.
- ❑ Kesepakatan para ulama tentang perkara ini¹².
- ✓ Lafaz ini adalah khusus kepada umat Nabi SAW sahaja. Pandangan ini datang daripada Imam al-Suyutiy dan beberapa lain dengan hujahan berdasarkan satu riwayat bahawasanya Nabi SAW dalam penulisan akan memulai dengan (بِسْمِكَ اللَّهُمَّ) sehinggalah ayat ﴿بِسْمِ اللَّهِ فَجَبْرُهَا وَمُرْسَاهَا﴾ diturunkan. Maka setelah itu ditulis dengan (بِسْمِ اللَّهِ) sehingga pula ayat ﴿قُلِ ادْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ﴾ diturunkan dan sehingga pula diturunkan ayat ﴿إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ وَإِنَّهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾ maka setelah itu penulisannya adalah sebagaimana lafaz tersebut¹³.
- ✓ Lafaz ini adalah khusus kepada Umat Islam selepas Nabi Sulaiman AS dan pandangan ini datangnya daripada beberapa tokoh seperti al-Qurtubiy, al-Raziy dan beberapa yang lain. Pandangan ini turut disokong oleh Imam Ibnu Kathir dengan kata beliau: 'Tidak ada seorangpun yang menulis lafaz Basmalah sebelum zaman Nabi Sulaiman AS'¹⁴.

¹¹ Al-Alusiy, Ruh al-Ma'aniy, jld 1, hlm 41.

¹² Al-Bujairimiy, al-Khatib, jld 1, hlm 7.

¹³ Al-Alusiy, Ruh al-Ma'aniy, jld 1, hlm 41.

¹⁴ Ibnu Kathir, Tafsir Ibnu Kathir, jld 6, hlm 189-190.

- ✓ Lafaz Basmalah sudah menjadi amalan oleh para Nabi AS semenjak daripada zaman Nabi Ibrahim AS lagi. Pandangan ini datang daripada Ibnu Asyur¹⁵.

- **Lafaz Basmalah disisi Imam empat mazhab:**

Ulama telah membincangkan secara khusus berkenaan Surah Al-Fatihah dari sudut ilmu Fiqh. Perkara ini dilakukan kerana Surah Al-Fatihah merupakan salah satu rukun solat yang wajib ditunaikan dengan baik oleh setiap umat Islam. Oleh itu, buku kecil ini cuba memuatkan ringkasan perbincangan ulama fiqh berdasarkan pembahagian berikut:

Ulama telah bersepakat bahawa lafaz *basmalah* dalam Surah Al-Naml, ayat: 30 adalah satu ayat bagi surah tersebut namun, mereka berselisih pendapat tentang *basmalah* pada Surah Al-Fatihah, adakah ia dikira sebagai satu ayat atau sebaliknya?? Dan bagaimanakah pula dengan *basmalah* pada awal surah-surah yang lain selain Surah Al-Taubah?? Perbincangan ulama adalah seperti berikut:

1. **Pendapat Imam Malik, Al-Auza'iy, Qurra' Syam, Basrah dan Madinah:**

Basmalah tidak dikira sebagai ayat dalam Surah Al-Fatihah serta surah-surah yang lain kecuali pada Surah Al-Naml, ayat: 30 sahaja. Walaupun begitu ia tetap dibaca, namun dengan tujuan **memisahkan antara dua surah serta mengambil berkat lafaz tersebut sahaja**⁽¹⁶⁾.

2. **Pendapat Imam Syafie, Abdullah Bin Al-Mubarak, Sufyan Al-Thauri, Qurra' Mekah, Kufah dan majoriti fuqaha' Hijaz serta salah satu pendapat daripada Imam Ahmad Bin Hanbal:**

Basmalah merupakan ayat bagi Surah Al-Fatihah serta surah-surah yang lain kecuali Surah Al-Taubah⁽¹⁷⁾.

¹⁵ Ibnu Asyur, al-Tahrir wa al-Tanwir, jld 1, hlm 151.

¹⁶ Bassam Ridhwan, *Surah Al-Fatihah: Dirasah Mauduiyyah*, Hlm 151.

¹⁷ Bassam Ridhwan, *Surah Al-Fatihah: Dirasah Mauduiyyah*, Hlm 152.

3. **Pendapat Imam Abu Hanifah dan pendapat kedua bagi Imam Ahmad:**

Secara umum *Basmalah* merupakan satu ayat lengkap yang berasingan pada permulaan surah-surah Al-Quran, ia dibaca sebagai pemberitahuan tentang pemisahan antara dua surah. Namun ia tidak dikira sebagai ayat daripada Surah Al-Fatihah dan surah-surah yang lain⁽¹⁸⁾.

Kesimpulannya, *Basmalah* dalam Surah Al-Fatihah tetap dibaca, akan tetapi bacaan tersebut bergantung kepada pegangan sesuatu mazhab sama ada ia merupakan **bacaan wajib**, **memisahkan antara dua surah** atau **bertujuan mengambil berkat**.

- **Bentuk bacaan Basmalah:**

Setelah mengetahui perbezaan pendapat dalam kalangan *fuqaha'* berkenaan *Basmalah* pada Surah Al-Fatihah maka, selanjutnya akan diterangkan 'kaifiat' membacanya berdasarkan khilaf tersebut. Perinciannya sebagaimana berikut:

- 1- **Pendapat Imam Abu Hanifah, Ahmad Bin Hanbal, Sufyan Al-Tahuri dan Al-Auza'iy:** *Basmalah* dibaca dengan perlahan pada setiap rakaat⁽¹⁹⁾.
- 2- **Pendapat Imam Malik:** *Basmalah* tidak dibaca sama ada secara kuat atau perlahan bagi solat fardhu, bahkan jika dibaca hanya bertujuan mengambil berkat⁽²⁰⁾. Manakala bagi solat sunat pula bacaannya dikira sebagai sunat sahaja.
- 3- **Pendapat Imam Al-Syafie:** *Basmalah* dibaca secara kuat bagi solat-solat *jahriyyah* iaitu solat Subuh, Maghrib dan Isyak. Dan dibaca secara perlahan bagi solat *sirriyah* iaitu solat Zuhur dan Asar⁽²¹⁾.

¹⁸ Bassam Ridhwan, *Surah Al-Fatihah: Dirasah Mauduiyyah*, Hlm 152.

¹⁹ Bassam Ridhwan, *Surah Al-Fatihah: Dirasah Mauduiyyah*, Hlm 154.

²⁰ Bassam Ridhwan, *Surah Al-Fatihah: Dirasah Mauduiyyah*, Hlm 154.

²¹ Bassam Ridhwan, *Surah Al-Fatihah: Dirasah Mauduiyyah*, Hlm 155.

Berdasarkan pendapat Syekhuna Dr Tawfiq Dhamrah beliau menegaskan bahawa bacaan *Basmalah* di awal Surah Al-Fatihah adalah berdasarkan riwayat bagi ulama Al-Fawasil dan Al-Qiraat. Hal ini kerana ada sebahagian daripada mereka mengiranya sebagai ayat dan sebahagian lagi adalah sebaliknya. Jadi, bacaannya dalam solat mestilah berdasarkan kepada **riwayat** bacaan mengikut ulama Al-Fawasil dan bukanlah kepada periwayatan hadith semata-mata⁽²²⁾.

- **Dialek sebutan lafaz (الله):**

Abu al-Qasim al-Zujajiy telah menyatakan bahawa oleh kerana lafaz (الله) meluas penggunaannya, maka terdapat padanya pelbagai bentuk dialek. Sebahagian kabilah arab menyebutnya dengan (والله), sebahagian yang lain pula menyebut dengan (لاه), ada juga menyebut (واه) dan juga sebutan (والله)²³.

- **Perletakan nama Allah:**

Hal ini merujuk kepada perbincangan tentang penamaan dzat Allah SWT dengan lafaz al-Jalalah (الله). Al-Sobban ada meriwayatkan bahawa yang meletakkan nama sedemikian adalah Allah SWT. Ia juga ditegaskan oleh al-Ghunaimiy bahawa Allah SWT yang meletakkan nama bagi Dzat-Nya yang Maha Besar serta nama para malaikat, manakala nama manusia, binatang, tumbuhan dan lain-lain adalah daripada manusia sendiri²⁴.

²² Tawfiq Dhamrah: *Tahsil Al-Manafi' Fi Qiraat Al-Imam Al-Syafie*, Maktabah Al-Wataniah, Hlm 13.

²³ Al-Zujajiy, al-Durr al-Masun, jld 1, hlm 58.

²⁴ Ibnu Sidah, Al-Mukhassis, Jld 1, hlm 3.

- **Asal lafaz (الله):**

Perkara ini telah menjadi khilaf dalam kalangan ilmuwan Islam kepada dua (2) pandangan:

- ✓ Ia merupakan kalimah arab. Pandangan ini datang daripada jumhur ulama seperti Imam Abu Hanifah dan lain-lain.
- ✓ Ia merupakan kalimah a'jam (bukan arab). Bahkan ia adalah berasal daripada bahasa hebrew atau siryani. Dalam bahasa ibraniy (hebrew) ia disebut dengan (לאה) kemudian diubahsuai sedikit dengan membuang alif hujung kalimah dan menambahkan alif lam dihadapannya.

Daripada pandangan tersebut sebahagian ulama telah mentarjihkan pandangan yang pertama dan menolak pandangan kedua seperti Imam Abu Hayyan al-Andalusiy, al-Samin al-Halabiy dan lain-lain.

- **Tajwid kalimah (الله):**

Ada beberapa elemen tajwid dalam kalimah ini antaranya:

- ✓ Sebutan baris atas hamzah wasal ketika ibtida adalah dengan bunyi 'A' (Allah) dan bukannya 'O' (Ollah).
- ✓ Lam dibaca tebal ketika sebelumnya baris atas ataupun baris hadapan. Ini adalah asal tujuan sebutan iaitu untuk membesarkan lafaz Allah SWT.

- **Hazaf alif pada kalimah (الله):**

Sememangnya kalimah ini ditulis semenjak dahulu lagi dengan hazaf alif. Antara sebabnya adalah:

- ✓ Untuk memudahkan tulisan kerana selalu digunakan.

- ✓ Sebagai simbol penyucian dari sudut tulisan agar tidak menyamai bentuk tulisan (الله) dengan makna berhala.
- ✓ Dihazafkan agar tidak menyerupai kalimah (الله) yang berasal daripada kalimah (لها يلهو).

- **Perbezaan (الله) dan (اللهم):**

Abu al-Hilal al-Askariy telah menyatakan bahawa kalimah (الله) bermaksud nama bagi Allah SWT manakala (اللهم) pula bermakna doa ataupun dengan seruan (يا الله).

- **Perbezaan (الله), (إله) dan (الإله):**

Secara umumnya, ketiga-tiga kalimah tersebut adalah hampir sama. Namun begitu ia tetap berbeza secara khusus. Kalimah (إله) merujuk kepada makna tuhan secara umum. Satu dzat yang menjadi sembah manusia Cuma berbeza mengikut kefahaman masing-masing. Begitu juga dengan kalimah (الإله) yang turut memberi makna secara umum Cuma berbeza pada pengkhususan bagi setiap tuhan yang disembah. Namun kalimah (الله) adalah lebih bersifat khusus yang tidak langsung menyamai tuhan-tuhan mengikut kepercayaan agama lain.

- **Kalimah (الرحمن) dan (الرحيم):**

Allah SWT adalah Tuhan yang mempunyai sifat penyayang dan pemurah kerana keluasan rahmat-Nya ke atas sesuatu, Dialah yang memberikan semua nikmat kepada seluruh makhluk seperti rezeki, hidayah dan pelbagai lagi⁽²⁵⁾. Ayat ini juga menganjurkan kepada kita agar menyebut nama-nama

²⁵ Al-Sobuniy, *Sofwah Al-Tafasir*, Hlm 19.

lain bagi Allah SWT yang pelbagai sebagai satu manifestasi dalam mensyukuri segala nikmat kurniaan-Nya⁽²⁶⁾. Ia juga sebagai satu bentuk 'penegasan' bahawa sememangnya Allah SWT adalah Dzat Yang Maha Pemurah dan Penyayang dan Dia sangat diperlukan oleh setiap hamba-Nya.

Ayat ini juga memberi isyarat betapa manusia amat memerlukan sifat-sifat tersebut daripada Allah SWT sebagai syafaat yang besar di hari pembalasan nanti. Sememangnya semua nama dan sifat bagi Allah SWT yang lain bersumberkan dari dua sifat tersebut dan menjadi dambaan setiap jiwa yang memerlukan belaian kasih sayang-Nya.

Ia juga memberi tafsiran betapa Pemurah dan Penyayang-Nya Allah SWT kerana telah mengutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai penyelamat umat manusia daripada terus menerus berada dalam kejahilan dan kebatilan. Sifat 'pemurah' Allah SWT adalah menyeluruh untuk kaum mukmin dan kuffar, manakala sifat 'pengasih' Allah SWT pula hanya dikhususkan kepada kaum mukmin⁽²⁷⁾.

- **Kesimpulan:**

Hakikat sebenar terlalu banyak rahsia dan makna-makna yang boleh diambil pengajarannya daripada lafaz yang pendek ini. Ia memerlukan kepada penelitian terhadap karya-karya para ulama yang pelbagai agar kalimah yang sering dibaca ini mampu memberi impak yang besar dalam jiwa seorang muslim.

Semoga perbahasan ringkas ini mampu memberi manfaat kepada semua dalam usaha untuk terus menghayati mesej-mesej daripada Allah SWT.

²⁶ Ibn Jama'ah, *Al-Fawa'id Al-La'ihah*, Hlm 32.

²⁷ Abdul Rahman Habannakah, *Ma'arij Al-Tafkir wa Daqaiq Al-Tadabbur*, Jld 1, Hlm 294-295.